



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 16 / 2011

Semua
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Dekan Fakulti
Rektor
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

السلام عليكم ورحمة الله و بركاته

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

MENERIMA PAKAI SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2010 – TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PENJAWAT AWAM YANG MEMBUAT KENYATAAN MENYENTUH SENSITIVITI KAUM DAN AGAMA


Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan UiTM dalam mesyuarat ke 123 pada 8 Februari 2011 telah bersetuju menerima pakai Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2010 – Tindakan Tatatertib Terhadap Penjawat Awam Yang Membuat Kenyataan Menyentuh Sensitiviti Kaum dan Agama (dilampirkan).
3. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2010 dikeluarkan untuk memaklumkan semua agensi Kerajaan supaya mengambil tindakan segera dan tegas terhadap staf yang mengeluarkan kenyataan menyentuh sensitiviti kaum dan agama sehingga menjejaskan perpaduan kaum.
4. Kerajaan memandang serius perkara ini dan semua staf diingatkan supaya tidak membuat kenyataan secara langsung atau tidak langsung boleh ditafsirkan sebagai menghina atau merendahkan sesuatu kaum dan agama dalam apa jua keadaan. Perbuatan sedemikian boleh diertikan sebagai mencemarkan nama dan imej Universiti serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar Peraturanan 3(2)(d) dan (g), Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2010.

Sekian.

Yang benar



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Bil. Fail : 100-BPD(PTA. 6/3)
Tarikh : 21 April 2011



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
MALAYSIA,
*Jabatan Perdana Menteri,
Ara 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya*

Telefon: 88881480/
88883381
Fax: 88883382

PM 11880/A/078/14 Jld. 5

1 Oktober 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2010

**TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP PENJAWAT AWAM
YANG MEMBUAT KENYATAAN MENYENTUH
SENSITIVITI KAUM DAN AGAMA**

TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan kepada agensi-agensi Kerajaan bagi mengambil tindakan segera dan tegas terhadap penjawat-penjawat awam yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama sehingga menjejaskan perpaduan kaum.

LATAR BELAKANG

2. Perpaduan antara kaum merupakan perkara asas dalam pembinaan negara dan Kerajaan sentiasa berusaha menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Namun sejak akhir-akhir ini

berbangkit pelbagai isu sehingga boleh menjejaskan kerukunan dan perpaduan dalam negara kita, antaranya kenyataan-kenyataan yang menyentuh isu perkauman dan keagamaan oleh sebilangan penjawat awam.

3. Kerajaan amat memandang serius perkara ini dan sehubungan ini setiap penjawat awam diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan yang secara langsung atau tidak langsung boleh ditafsirkan sebagai menghina atau merendah-rendahkan sesuatu kaum dan agama dalam apa jua tujuan dan keadaan. Perbuatan yang sedemikian itu boleh diertikan sebagai mencemarkan nama dan imej Perkhidmatan Awam serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar tata kelakuan penjawat awam di bawah Peraturan 4(2)(d) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

TANGGUNGJAWAB AGENSI

4. Semua agensi Kerajaan adalah dikehendaki mengambil tindakan serta-merta lagi tegas ke atas mana-mana anggota agensi masing-masing yang mengeluarkan kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kerajaan juga telah memutuskan supaya tindakan menggantung mana-mana penjawat awam yang didakwa mengeluarkan kenyataan sedemikian dari tugasnya diambil dengan serta-merta sementara menunggu siasatan lanjut. Langkah ini adalah untuk meredakan ketegangan yang mungkin timbul berikutan kenyataan berunsur hasutan yang dikeluarkan itu.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

6. Peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh Surat Pekeliling Am ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)
Ketua Setiausaha Negara

